

PNEBUSAN PUSAKA MUSLIM: ISU & CABARAN

THE REDEMPTION OF MUSLIM INHERITANCE: CONTEMPORARY ISSUES AND CHALLENGES

Mohammad Salleh Abdul Saha¹

Norazmi Anas^{2*}

Mohamad Khairul Izwan Rifin³

Mohd Sirajuddin Siswadi Putera Mohamed Shith³

Hamdi Rahman Mohd Yaacob¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: salleh@mais.gov.my, hamdi105@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
(E-mail: khairulizwan@uitm.edu.my, sirajuddin@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Abdul Saha, M. S., Anas, N., Riffin, M. K. I., Mohamed Shith, M. S. S. P & Mohd Yaacob, H. R (2025). Penebusan pusaka Muslim: Isu & cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*10 (75), 435 - 441.

Abstrak: *Penebusan pusaka atau takhāruj merupakan proses pembelian pusaka milik Baitulmal oleh waris. Harta pusaka yang diwarisi oleh pihak Baitulmal disebabkan si mati tidak mempunyai waris atau waris tertentu (secara āsabah) yang melayakkan Baitulmal menjadi waris atas sebab hak warisan dari keagamaan yang akan diagihkan kepada umat Islam mengikut keperluan di bawah peruntukan Seksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang menjelaskan bahawa waris-waris diberi peluang untuk menebus bahagian Baitulmal. Kesemua mazhab menerima pakai konsep ini dalam penyelesaian konflik perwarisan dalam Islam. Ia memberi ruang kepada semua waris untuk membahagikan harta pusaka dengan cara terbaik serta ia sebahagian dari hukum faraid itu sendiri yang selari dengan kehendak syarak. Selain itu ia juga disamakan dengan muafakat, sulh dan persetujuan. Asas keharusannya dalam Islam yang membenarkan al-hibah (pemberian), al-ibra' (pengguguran hak) dan al-sulh (perdamaian). Selain dari pembahagian secara faraid, takhāruj merupakan jalan penyelesaian alternatif muafakat antara waris berasaskan prinsip saling meredai dan bertolak ansur. Ia memberi peluang kepada waris-waris memilih cara penyelesaian terbaik khususnya melibatkan harta pusaka yang bernilai ekonomi dan kelangsungan hidup semua waris. Terdapat tiga keadaan yang boleh membatalkan pelaksanaan takhāruj. Pertama, apabila tuntutan hutang melebihi daripada harta pusaka si mati yang ada dan semua waris tidak bersedia untuk membayar hutang tersebut, maka takhāruj dianggap batal. Kedua, apabila timbul tuntutan wasiat terhadap si mati, maka tuntutan itu boleh menyebabkan kadar sebenar bahagian ahli waris dalam harta pusaka akan berubah. Ketiga, apabila wujud seorang ahli waris yang tidak diketahui sebelum pembahagian atau*

pada masa takhāruj, kehadirannya boleh menyebabkan berlaku perubahan hak dan bahagian harta pusaka semua ahli waris berkenaan.

Kata Kunci: *Pusaka, Syarak, Takharuj, Isu, Cabaran*

Abstract: *Redemption of Inheritance (Takhāruj) refers to the process by which the rightful heirs purchase the inheritance portion held by the Baitulmal. The involvement of Baitulmal in the inheritance arises in cases where the deceased passes away without legal heirs or with specific heirs under the doctrine of 'asabah, thereby rendering Baitulmal the eligible beneficiary based on religious inheritance principles. The estate portion received by Baitulmal is subsequently distributed to the Muslim community according to their needs, in accordance with Section 13(1) of the Small Estates (Distribution) Act 1955 (Act 98), which explicitly provides that heirs are granted the opportunity to redeem the share belonging to Baitulmal. The concept of takhāruj is recognised and accepted by all major Islamic legal schools (madhāhib) as a legitimate mechanism for resolving inheritance disputes. It provides an equitable platform for heirs to divide the estate in a manner consistent with Islamic jurisprudence (Shariah), while simultaneously aligning with the objectives of faraid (Islamic law of inheritance). Moreover, takhāruj embodies the principles of mutual agreement (muafakat), conciliation (sulh), and voluntary consent. Its legitimacy in Islamic law is grounded in the permissibility of al-hibah (voluntary gift), al-ibra' (waiver of rights), and al-sulh (amicable settlement). Beyond the conventional distribution based on faraid, takhāruj serves as an alternative dispute resolution method that emphasises consensus and mutual understanding among heirs. It enables heirs to select a resolution model that best preserves economic value and ensures the welfare and sustainability of all beneficiaries. Nonetheless, the validity of takhāruj is subject to the following conditions, the violation of which may render the arrangement void. First, if the outstanding debts of the deceased exceed the total value of the estate and the heirs are unwilling to settle those debts, the takhāruj arrangement becomes invalid. Second, if a valid wasiyyah (will) claim is presented, it may affect the distribution of shares among the heirs, thereby altering the legal basis of the takhāruj. Third, if an unknown heir emerges prior to or during the execution of takhāruj, their claim may necessitate a revision of the entire distribution, affecting the rights and shares of all involved heirs.*

Keywords: *Inheritance, Syari'a, Takharuj, Issue, Challenge*

Pengenalan

Tebus pusaka merupakan proses pembelian pusaka milik Baitulmal oleh waris. Harta pusaka yang diwarisi oleh pihak Baitulmal disebabkan si mati tidak mempunyai waris atau waris tertentu (secara *asabah*) yang melayakkan Baitulmal menjadi waris atas sebab hak warisan dari keagamaan yang akan diagihkan kepada umat Islam mengikut keperluan (Lembut, 2003) di bawah peruntukan Seksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang menjelaskan bahawa waris-waris diberi peluang untuk menebus bahagian Baitulmal. Secara umumnya terdapat tiga sebab utama Baitulmal boleh mewarisi harta pusaka iaitu:

- i. Si mati tidak mempunyai waris.
- ii. Si mati mempunyai waris tetapi tidak berhak menerima pusaka disebabkan berlainan agama, murtad atau pembunuh si mati.
- iii. Si mati mempunyai waris tetapi tidak dapat menghabisi harta pusaka.

Menurut pandangan fiqh ilmu faraid, tebus pusaka dikiaskan dengan terma *takharuj* merujuk penarikan diri daripada menerima harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya, dengan memberikan bahagiannya itu kepada seseorang atau beberapa orang waris lain dengan balasan tertentu yang senilai dengannya daripada harta pusaka berkenaan atau daripada harta lain. Pihak Baitulmal menarik diri atau melepaskan haknya ke atas sesuatu harta dengan bayaran setelah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (JAWHAR, 2008) melibatkan dua jenis harta iaitu harta tak alih dan harta alih. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “Maka tiadalah salah bagi mereka membuat perdamaian (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik.”

(Surah an-Nisa, 4:128)

Menurut Ahmad et al. (2017), pendekatan *takharuj* yang fleksibel memberi pilihan dan kelonggaran dalam usaha menyelesaikan isu pembahagian harta pusaka orang Islam seterusnya membolehkan pelbagai masalah berkaitan pengagihan ditangani seperti tebus pusaka yang terhak kepada baitulmal. Ia dilihat selari dengan hukum syarak dan mempunyai sedikit perbezaan dengan konsep muafakat yang diamalkan oleh orang Melayu sebelum ini (Ahmad, 2017). Ia disokong oleh Noor et al., (2019) dan Hamdani (2020) yang menyatakan bahawa pendekatan ini menjadi salah satu kaedah penyelesaian yang berkesan jika dapat diaplikasi dengan bijaksana serta memberikan keuntungan kepada semua. Contohnya, model berasaskan *takharuj* yang diaplikasi bagi mengoptimumkan saiz penggunaan tanah pertanian yang dimiliki oleh setiap waris yang layak boleh dikategorikan sebagai tanah yang produktif untuk dibangunkan (Noordin et al., 2021). Ali dan Ahmad (2013) menyatakan bahawa terdapat tiga (3) bentuk penyelesaian secara *takharuj* iaitu:

- i. Penyelesaian secara *takharuj* antara dua waris sama ada percuma atau bayaran
- ii. Penyelesaian secara *takharuj* antara seorang waris dengan waris-waris yang lain dengan imbalan bahagian tertentu daripada *tarikah* seperti rumah dan haknya dalam harta-harta lain diserahkan semuanya kepada waris-waris lain.
- iii. Penyelesaian secara *takharuj* dengan bayaran dari harta lain yang boleh dibuat secara sama rata sesama waris atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui.

Pendekatan *takharuj* sangat signifikan dan relevan dalam aspek mengatasi kekangan undang-undang dalam konteks pembahagian harta pusaka orang Islam dalam kerangka Perlembagaan yang mengekang waris daripada mendapatkan hak mereka, menangani pecahan saiz harta yang melampau dan mengelakkan kelewatan dalam mengurus pembahagian harta pusaka (Ali, 2016; Ahmad et al., 2019).

***Takharuj*: Isu dan Cabaran**

Terminologi *takharuj* berasal dari perkataan Arab iaitu *kharaja* dari perspektif bahasa bermaksud keluar, manakala takrifan istilah merujuk ahli waris menarik diri daripada menerima bahagian harta pusaka (sebahagian atau kesemuanya) dengan memberikan bahagiannya itu kepada waris lain dengan balasan atau tanpa balasan (Awang, t.t). Kesemua mazhab menerima pakai konsep ini dalam penyelesaian konflik perwarisan dalam Islam (Ali & Ahmad, 2013). Ia memberi ruang kepada semua waris untuk membahagikan harta pusaka dengan cara terbaik serta ia sebahagian dari hukum faraid itu sendiri yang selari dengan kehendak syarak. Selain itu ia juga disamakan dengan muafakat, *sulh* dan persetujuan. Asas keharusannya dalam Islam yang membenarkan *al-hibah* (pemberian), *al-ibra'* (pengguguran hak) dan *al-sulh* (perdamaian). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya “nusyuz” (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan”

(Surah an-Nisa, 4: 128)

Takharuj telah berlaku pada zaman Khulafa’ al-Rasyidin. Abdul Rahman bin ‘Auf telah menceraikan isterinya yang bernama Tumadhir binti al-Asbagh ketika beliau sedang sakit yang membawa kematiannya dan Abdul Rahman meninggal dunia ketika Tumadhir masih berada dalam iddah. Saidina Uthman RA telah memberi harta pusaka kepada Tumadhir bersama dengan tiga orang isteri Abdul Rahman yang lain. Pembahagian harta pusaka Abdul Rahman telah dipersetujui oleh waris-warisnya dengan bahagian Tumadhir sebanyak 1/4 bahagian daripada 1/8 bahagian digantikan dengan 93,000 dinar (<https://efaraid.mais.gov.my/takharuj/>) Menurut Ali dan Ahmad (2013), terdapat tiga bentuk penyelesaian secara *takharuj* iaitu (i) *Takharuj* antara dua orang waris secara percuma atau dengan bayaran (al-Nawawi, 1992), (ii) *Takharuj* antara seorang waris dengan waris-waris lain dengan imbalan bahagian tertentu daripada harta pusaka dan haknya dalam harta-harta lain diserahkan semuanya kepada waris-waris lain mengikut persetujuan yang dibuat seolah-olah waris yang menarik diri tidak wujud (al-Hasari, 1992) dan (iii) *Takharuj* dengan bayaran dari harta lain yang dibuat secara sama rata sesama waris atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui bersama. Bahagian waris yang menarik diri akan dibahagi sama rata atau mengikut hukum faraid atau mengikut kadar sumbangan yang diberikan oleh setiap waris (al-Hasari, 1992).

Hukum faraid telah menetapkan hak setiap waris serta bahagian mereka dalam harta pusaka. Selain dari pembahagian secara faraid, *takharuj* merupakan jalan penyelesaian alternatif muafakat antara waris berasaskan prinsip saling meredhai dan bertolak ansur. Ia memberi peluang kepada waris-waris memilih cara penyelesaian terbaik khususnya melibatkan harta pusaka yang bernilai ekonomi dan kelangsungan hidup semua waris. Perlaksanaan *takharuj* perlu memahami perkara berikut (<https://efaraid.mais.gov.my/takharuj/>):

- i. Penarikan diri daripada menerima harta pusaka boleh dibuat oleh seorang waris atau lebih daripada seorang. Selain itu, waris yang menerimanya pula boleh terdiri daripada seorang, lebih daripada seorang atau kesemua waris yang tinggal.
- ii. Waris yang menarik diri boleh bersetuju untuk menerima balasan, imbuhan atau ganti rugi kerana tidak mengambil bahagian dalam harta pusaka atau menolak bahagiannya dengan sukarela tanpa sebarang balasan.
- iii. Balasan, imbuhan atau ganti rugi boleh diberikan kepada waris yang menarik diri melalui harta waris yang menerima penolakan tersebut atau diberikan kepada waris yang menarik diri itu sebahagian daripada harta pusaka.
- iv. Sekiranya waris yang menarik diri bersetuju dengan seorang, atau beberapa orang atau kesemua waris yang lain dengan bayaran tertentu, maka seolah-olah waris yang menarik diri itu telah menjual bahagiannya kepada waris lain.

- v. Sekiranya waris yang menarik diri memberikan bahagiannya kepada waris lain tanpa sebarang balasan iaitu menarik diri secara sukarela, seolah-olah waris tersebut telah menghibahkan bahagiannya kepada waris yang menerima.
- vi. Sekiranya seseorang waris bersetuju untuk menarik diri daripada menerima harta pusaka dengan mengambil sebahagian daripada harta pusaka, persetujuan ini tidak boleh berlaku di antara seorang dengan seorang atau dengan beberapa orang waris lain, tetapi mestilah melibatkan semua orang waris yang berhak mendapat harta pusaka tersebut.

Takharuj berada dalam Akta 98, Seksyen 15(1) yang menyatakan “Jika pemungut berpuas hati bahawa semua benefisiari harta pusaka yang telah cukup umur dan berkeupayaan telah bersetuju antara mereka kepada cara di mana harta pusaka patut dibahagikan, pemungut boleh, selepas merekodkan dalam perintah pembahagian terma-terma persetujuan; dan persetujuan pihak-pihaknya, membahagikan harta pusaka dalam cara yang diperuntukan oleh persetujuan melainkan ia adalah jelas kepada pemungut adalah tidak adil dan tidak saksama untuk berbuat demikian”, bersambung dengan Seksyen 15(3) iaitu “Jika dua atau lebih benefisiari berhak kepada bahagian dalam mana-mana tanah yang terkandung dalam harta pusaka, pemungut boleh, atas budi bicaranya, mengambil perhatian kepada kepentingan orang yang berkenaan dan kepentingan pembangunan tanah dengan baik- (a) menguntukkan lot-lot berasingan kepada benefisiari individu”.

Terdapat tiga keadaan yang boleh membatalkan pelaksanaan *takharuj* (Awang, t.t.). Pertama, apabila tuntutan hutang melebihi daripada harta pusaka si mati yang ada dan semua waris tidak bersedia untuk membayar hutang tersebut, maka *takharuj* dianggap batal. Kedua, apabila timbul tuntutan wasiat terhadap si mati, maka tuntutan itu boleh menyebabkan kadar sebenar bahagian ahli waris dalam harta pusaka akan berubah. Ketiga, apabila wujud seorang ahli waris yang tidak diketahui sebelum pembahagian atau pada masa *takharuj*, kehadirannya boleh menyebabkan berlaku perubahan hak dan bahagian harta pusaka semua ahli waris berkenaan.

Jadual 1: Isu dan Cabaran Pelaksanaan *Takharuj*

Isu	• Pertikaian antara waris: Berlaku konflik sesama waris mengenai hak milik dan agihan harta. Tidak semua waris bersetuju dengan proses atau pembahagian yang dicadangkan. • Tiada wasiat atau faraid tidak difahami: Ramai si mati tidak meninggalkan wasiat, menyebabkan pengagihan perlu dirujuk kepada hukum faraid, yang sering kurang difahami oleh waris. • Pengetahuan undang-undang yang terhad: Waris tidak tahu prosedur sebenar untuk menebus atau menuntut harta pusaka. Kekeliruan antara bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. • Ketiadaan dokumen lengkap: Dokumen penting seperti geran tanah, surat kematian, atau salinan kad pengenalan waris tidak disimpan dengan baik. Sukar membuktikan pemilikan atau status harta. • Pemilikan harta secara beramai-ramai (harta sepencarian / tanah pusaka): Menyukarkan penebusan atau penjualan jika tidak mendapat persetujuan semua waris.
Cabaran	• Birokrasi dalam institusi pengurusan pusaka: Proses panjang di Pejabat Pusaka Kecil, Mahkamah Syariah, atau Amanah Raya. Kelewatan dalam pengeluaran surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian.

	• Kos guaman dan pentadbiran: Waris mungkin tidak mampu menanggung kos guaman untuk mengurus pusaka secara sah. • Kurangnya pendidikan sivik dan agama: Tidak ramai yang memahami pentingnya merancang pewarisan semasa hidup. • Campur tangan pihak luar: Contohnya, individu yang berkepentingan atau waris tiri menimbulkan konflik tambahan. • Nilai harta kecil atau tidak sepadan: Ada harta yang terlalu kecil nilainya tetapi masih menimbulkan perebutan. Kadangkala kos untuk mengurus lebih tinggi daripada nilai harta itu sendiri.
--	--

Sumber: Taha et al. (2015); Naiimi (2016); Rahman et al. (2018); Abdul Saha et al. (2022); Muda et al. (2022)

Kesimpulan

Penebusan pusaka merupakan satu proses penting dalam memastikan harta yang ditinggalkan oleh si mati diagihkan secara adil mengikut hukum dan perundangan yang ditetapkan, terutamanya dalam konteks undang-undang Islam dan sivil di Malaysia. Namun begitu, proses ini sering berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran seperti pertikaian antara waris, kelewatan dalam pengurusan harta, kekurangan pengetahuan tentang prosedur, serta campur tangan pihak luar. Cabaran birokrasi dan kesukaran mendapatkan dokumen sah juga memburukkan keadaan. Oleh itu, kesedaran, pendidikan masyarakat, serta penambahbaikan dalam sistem perundangan dan pentadbiran amat penting bagi memastikan proses penebusan pusaka dapat dijalankan dengan lebih lancar, telus, dan adil kepada semua pihak yang terlibat.

Rujukan

- Abdul Saha, M. S., Anas, N., Yaacob, H. R. M., & Aziz, N. H. (2022). The Issues, Concepts and Functions of Baitulmal in Selangor Islamic Religious Council (MAIS) on The Reclamation of Muslim Inheritance. *International Journal Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 2213 – 2221.
- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takharuj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 21-28.
- Ahmad, M. Y., Jamsari, E. A., Nasir, B. M., Hehsen, A., & Hassan, W. Z. W. (2017). Flexibility of takharuj principle in solving the inheritance issues. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(11), 867-878.
- al-Hasarī, A. (1992). *Al-Tarikāt wa al-Wasāyā wa al-Qadāyā al-Muta ‘alliqah bihima fi al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*. Bayrut: Dār al-Jīl.
- Ali, W. N. W. M. (2016). *Aplikasi prinsip al-takharuj dalam pembahagian harta pusaka kecil orang Islam di Terengganu* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Ali, W. N. W. M., & Ahmad, M. Y. (2013). Mekanisme Aplikasi Takharuj dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Kuala Terengganu. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(2), 27-33.
- al-Nawawī, A. Z. S. (1992). *Rawdah al-Tālibīn*. Jil. 5. Bayrut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Awang, M. R. (t.t.). *Konsep dan Keadilan dalam Pembahagian Harta Pusaka melalui Kaedah Fara'id*. Diambil dari https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahanilmiah/konsep_dan_keadilan_dalam_pembahagian_harta_pusaka_melalui_prof._m_adya_ridwan_awang_jawhar.pdf
- Hamdani, H. (2020). Konsep Takharuj Alternatif Pembagian Warisan. *Al Hisab: Jurnal Ekonomi Syariah*, 1(1), 32-43.

- JAWHAR (2008). *Manual Pengurusan Tebus Pusaka*. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Lembut, I. (2003). *Sistem pengagihan harta pusaka Islam*. Jabatan Agama Islam Melaka.
- Muda, M. Z., Rosdi, N., & Said, N. L. M. (2022). Hibah Amanah Hartanah dan Kekangan Perundangan dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(3), 31-40.
- Naiimi, N. (2016). *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi* (UUM Press). UUM Press.
- Noor, N. S. B. M., Mokhtar, W. K. A. W., & Rashid, A. A. (2019). Management and Distribution of Pusaka Property and Concepts of Munasakhat and Takharuj. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 615-622.
- Noordin, N., A. Kadir, N. & Mhd Saiful Anuar, D. S. (2021). Takharuj-Based Model to Optimize Productive Land Distribution. *Global Journal Al-Thaqafah*, 11(2), 33-46.
- Rahman, N. S. A., Talib, H., Ghani, N. A., Salam, N. Z. M. A., & Abd Rahman, N. S. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96-117.
- Taha, M. M., Sulong, J., & Ayub, M. N. (2015). Pemilikan bersama tanah pusaka: Realiti, masalah dan cabaran. *ESTEEM Academic Journal*, 11(2), 47-59.